

# Pendakian tiga gunung



PEMANDANGAN yang menghijau  
di puncak Gunung Yellow.





**ALAH** satu trek yang mencabar pendaki ketika pendakian ke Gunung Irau.



**PARA** peserta mula mendirikan khemah sebaik sampai di puncak Gunung Yellow.

**B**AGI penulis ilmu bukan hanya boleh dipelajari dalam kelas dan bilik kuliah sahaja. Gunung dan hutan belantara juga adalah tempat terbaik untuk mencari ilmu, malah junjungan besar Nabi Muhammad SAW telah mendapat wahyu pertama iaitu Surah al-Alaq di gua Hira.

Berbekalkan semangat yang tinggi, Gabungan Universiti Putra Malaysia (UPM), dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah merentasi banjaran Titiwangsa iaitu bermula dengan pendakian Gunung Pass, Gunung Yellow, Gunung Irau dan berakhir di puncak Gunung Brinchang.

Pendakian yang disertai seramai 25 orang selama tiga hari iaitu pada 21 hingga 23 Januari ini turut disertai oleh penulis dan rakan-rakan merentasi gunung-ganang yang menjanjikan seribu kenangan yang indah, di samping menghayati kecantikan alam ciptaan Ilahi.

Dalam menjayakan ekspedisi kali ini, kami semua dibantu oleh penunjuk arah yang berpengalaman luas tentang selok belok trak pendakian iaitu Uteh dan rakan-rakan.

Sebelum memulakan pendakian, penulis dan rakan-rakan berehat sebentar di masjid Simpang Pulai, Cameron Highlands untuk menunaikan solat subuh.

Seterusnya, pada pukul 8.00 pagi kami dikehendaki menaiki lori untuk sampai ke tapak pendakian Gunung Pass.

Permulaan pendakian dari Gunung Pass bagi penulis agak mencabar kerana trek mencanak yang memerlukan kami berpaut pada dahan-dahan kayu dan adakalanya terpaksa merangkak untuk melepasi laluan.

Setelah hampir sembilan jam kami merentasi hutan belantara dan gunung-ganang, akhirnya penulis dan rakan-rakan berjaya sampai di puncak Gunung Yellow.

Saat kaki melangkah ke puncak gunung Yellow, penulis terasa betapa kerdilnya diri ini melihat keindahan gunung-ganang ciptaan Ilahi yang gagah dan kuat memasak bumi.

Penulis dan rakan-rakan amat teruja kerana dapat melihat pemandangan gunung-ganang yang terletak di banjaran titiawangsa seperti Gunung Yong Yap, Gunung Yong Belar dan gunung-gunung lain.

Pada petang itu, penulis dan rakan-rakan sempat merakamkan memoir indah melihat keindahan matahari terbenam.

Penulis bermonolog sendirian, tiada daya penulis untuk sampai ke gunung ini, jika bukan bantuan dan izin dari Allah.

Setelah bermalam di Gunung Yellow,



keesokannya penulis dan rakan-rakan meneruskan lagi pendakian pada pukul 8.00 pagi untuk sampai ke destinasi akhir pendakian iaitu Gunung Irau yang mempunyai ketinggian 2110 meter dari paras laut. Kami diarahkan oleh Uteh untuk bermalam di puncak Gunung Irau sebelum meneruskan pendakian terakhir pada keesokannya.

Gunung Irau adalah gunung yang terletak di sempadan Perak dan Pahang yang merupakan salah satu gunung yang paling unik. Ia dipenuhi lumut (*mossy forest*) dari lantai trek hingga puncak pokok.

Keadaan ini menyebabkan suhu dalam hutan di antara 13-17 darjah celcius. Pada sebelah malam kesejukan melanda kami kerana suhunya yang mencecah hampir 15 darjah celcius.

Ketika itu, penulis rasakan seperti berada di luar negara kerana apabila bercakap

kelihatan haba (dalam bentuk wap) keluar dari mulut.

Keesokannya, kami meneruskan pendakian untuk sampai ke tapak kem Brinchang.

Pendakian ini agak mencabar kerana trek yang mencuram memerlukan kami semua berhati-hati dan adakalanya memerlukan kami bergayut dan meniti di atas akar dan pokok-pokok kayu.

Akhirnya pada pukul 10.30 pagi kami berjaya sampai dan menamatkan ekspedisi kali ini di puncak Gunung Brinchang.

Kalimah kesyukuran dipanjatkan kepada Ilahi kerana pendakian ini berjaya ditamatkan tanpa berlaku sebarang kecederaan kepada semua pendaki-pendaki.



**LALUAN** ke Gunung Irau dipenuhi lumut, suatu pemandangan yang cukup unik.